

KENYATAAN MEDIA
UNTUK SIARAN SEGERA

**PHARMANIAGA KUKUHKAN BUDAYA ESG DAN
KELESTARIAN MENERUSI PROGRAM DEKARBONISASI**

SHAH ALAM, 10 DISEMBER 2022 – Pharmaniaga Berhad (Pharmaniaga), syarikat farmaseutikal terbesar di Malaysia terus memperkukuhkan budaya Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) serta kelestarian dengan meningkatkan pelbagai aktiviti dan inisiatif yang berkaitan dalam operasi perniagaannya, selaras dengan Aspirasi Rendah Karbon 2040 oleh Kerajaan Malaysia.

Pengarah Urusan Kumpulan Pharmaniaga Datuk Zulkarnain Md Eusope berkata sebagai salah satu syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) terbesar di Malaysia, Pharmaniaga amat menitikberatkan tanggungjawab dan kesan operasi perniagaannya terhadap alam sekitar serta masyarakat.

"Kami percaya keseluruhan inisiatif ESG dan usaha kelestarian ini akan mendorong prestasi Syarikat untuk menjadi lebih baik dan mengukuhkan kelangsungan perniagaan untuk jangka masa yang panjang," katanya.

Datuk Zulkarnain berkata, Pharmaniaga telah memulakan program dekarbonisasi sebagai sebahagian daripada sokongan Syarikat kepada misi Kerajaan untuk mencapai pelepasan karbon bersih sifar menjelang 2050.

"Salah satu inisiatif utama kami adalah penggunaan kenderaan elektrik bagi penghantaran ubat-ubatan ke hospital dan klinik Kerajaan bagi mengurangkan Pelepasan Gas Rumah Hijau (GHG).

"Anak-anak Syarikat turut terlibat dalam menyediakan pelan hala tuju dan inisiatif kelestarian untuk tempoh jangka panjang, dan antara bidang yang telah dikenalpasti adalah tenaga yang efisien, tenaga boleh diperbaharui dan juga kenderaan elektrik.

"Sebagaimana yang dikehendaki oleh Bursa Malaysia, semua syarikat tersenarai awam akan diwajibkan untuk melaporkan *Task Force on Climate-related Financial Disclosure* menjelang 2025. Bursa turut menetapkan isu-isu berkaitan perubahan iklim perlu dijadikan sebahagian daripada strategi perniagaan syarikat dalam memenuhi keperluan pemegang taruh utama masing-masing.

"Selaras dengan panduan dan hala tuju daripada Bursa itu, kami telah merancang pelbagai inisiatif dengan memasukkan Risiko Kelestarian Alam Sekitar dalam Pengurusan Risiko Perniagaan syarikat. Inisiatif ini adalah di bawah pengawasan Lembaga Pengarah yang turut memantau semua perkara yang berkaitan dengan perubahan iklim - risiko, peluang dan rancangan mitigasi," kata Datuk Zulkarnain.

Pharmaniaga turut sedang mendaftar dengan United Nations Global Compact (UNGC) untuk mengukuhkan lagi program ESG serta meningkatkan komitmen dan penglibatan Syarikat di peringkat antarabangsa.

Satu lagi usaha penerapan budaya kelestarian adalah dengan menjenamakan semula budaya korporat Pharmaniaga sedia ada iaitu *Do It Right Always (DIRA)*. Budaya DIRA adalah untuk meningkatkan kesedaran di kalangan kakitangan tentang pentingnya 'Melakukan Perkara yang Betul' setiap masa yang akan dapat meningkatkan tahap produktiviti dan kecekapan bekerja, serta menghapuskan keperluan untuk membuat pekerjaan berulang kali.

"Budaya DIRA yang sedia ada akan diterapkan dengan elemen ESG dan dijadikan salah satu inisiatif di bawah ESG, yang merupakan tonggak utama usaha kelestarian Syarikat. Program ini penting untuk semua pekerja memahami objektif kelestarian Syarikat supaya matlamat jangka panjang dapat dicapai," tambah Datuk Zulkarnain.

Usaha ESG dan kelestarian berterusan Pharmaniaga ini telah mendapat pengiktirafan apabila telah menerima Anugerah Perak untuk "Syarikat Berprestasi Terbaik di bawah Klasifikasi Sektor Bursa: Penjagaan Kesihatan" di The EDGE ESG Awards 2022, baru-baru ini.

Anugerah itu telah diterima oleh Pengarah Eksekutif Pharmaniaga Zulkifli Jafar daripada Ketua Pengarang The Edge Malaysia Kathy Fong; dan disaksikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Bursa Malaysia Datuk Muhamad Umar Swift; Ketua Pegawai Eksekutif UOB Malaysia Ng Wei Wei; Ketua Pelaburan Mampan Asia-Pasifik di FTSE Russell Helena Fung; serta Penerbit dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan The Edge Media Group Datuk Ho Kay Tat.

Anugerah ESG Edge Malaysia, yang merangkumi dua kategori iaitu Anugerah Ekuiti dan Anugerah Dana adalah bertujuan untuk memberi penghormatan kepada syarikat-syarikat Malaysia yang cemerlang dalam melaksanakan usaha-usaha penerapan budaya ESG di dalam operasi perniagaan. Ia dianjurkan dengan kerjasama Bursa Malaysia, FTSE Russell, Morningstar dan Deloitte.

Pharmaniaga adalah sayap perniagaan farmaseutikal untuk Kumpulan Boustead Holdings Berhad dan bersama-sama Lembaga Tabung Angkatan Tentera, merupakan pemegang-pemegang saham utama Syarikat.

-TAMAT-

MENGENAI PHARMANIAGA BERHAD

Pharmaniaga Berhad adalah ahli Kumpulan Boustead dan merupakan sebuah syarikat perkhidmatan kesihatan bersepadu yang terbesar di Malaysia. Tersenarai di Bursa Malaysia, teras perniagaan Kumpulan Pharmaniaga adalah logistik dan pengedaran produk farmaseutikal; pembuatan produk farmaseutikal generik dan peranti perubatan; pemasaran dan jualan; penyelidikan dan pembangunan; pembekal dan pemasangan peralatan perubatan, serta farmasi komuniti. Dengan kekuatan dan kepakaran merentasi rangkaian perkhidmatan kesihatan, operasi perniagaan Kumpulan Pharmaniaga berkembang teguh di Malaysia dan meluaskan pasaran dengan membina tapak di Indonesia dan Vietnam, sekaligus mengukuhkan kedudukan syarikat sebagai peneraju serantau dalam arena farmaseutikal antarabangsa.

Dikeluarkan untuk Kumpulan Pharmaniaga oleh Jabatan Komunikasi Korporat, Pharmaniaga Berhad. Untuk sebarang pertanyaan, hubungi Dato' Najmuddin Abdullah di talian 019-3387777, emel najmuddin@pharmaniaga.com atau Dato' Zuhri Iskandar Kamarzaman di talian 03-3342 9999 samb. 434, email zuhri@pharmaniaga.com.